


Mengukuhkan hubungan dua hala

UM - 25/4/2007

Oleh NORAINI
ABDUL RAZAK
(WARTAWAN UTUSAN)



ARTHUR REDPATH MENZIES



DAVID G. SUMMERS

KETIKA ditanya mengenai hubungan dua hala antara Kanada dan Malaysia yang memasuki usia 50 tahun tahun ini, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Malaysia, David G. Summers tersenyum sambil melahirkan rasa bangga beliau kerana berpeluang berkhidmat di negara ini.

Summers yang baru 18 bulan ditugaskan di Malaysia mengakui hubungan yang terjalin antara kedua-dua negara amat positif dan konstruktif sejak negara ini mencapai kemerdekaan.

"Hubungan antara kedua-dua negara hari ini dan 50 tahun lalu amat menarik dan ia menjadi semakin relevan sekarang ini.

"Saya berkongsi pengalaman dengan rakan-rakan yang pernah berkhidmat di sini dan kami mengakui bahawa hubungan dua hala Malaysia-Kanada semakin maju dan berkembang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Sememangnya Kanada merupakan antara negara pertama mengiktiraf kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 dan menubuhkan pejabat Suruhanjaya Tingginya di Kuala Lumpur pada tahun yang sama.

Dan hari ini hubungan tersebut semakin mengukuh mencakupi aspek politik, ekonomi dan sosial sehingga Malaysia menjadi rakan dagang Kanada terbesar di ASEAN.

Menurut Summers, perdagangan dua hala antara kedua-dua negara pada tahun lepas dianggarkan sebanyak RM10.3 bilion di mana Malaysia mengeksport enam kali ganda berbanding eksport Kanada ke Malaysia.

Beliau memberitahu, eksport Malaysia ke Kanada termasuk barangan elektronik manakala Kanada mengeksport barangan seperti baja, bijirin, soya, peralatan mesin elektrik terutamanya untuk telekomunikasi ke negara ini.

Begitu juga dengan pelaburan terus asing (FDI) Kanada di Malaysia yang mencatatkan jumlah signifikan dengan kira-kira 50 syarikat negara itu beroperasi di sini termasuk Bank of Nova Scotia, Manulife, Bombardier dan Nortel Networks.

Katanya, Malaysia juga merupakan rakan keselamatan dan pertahanan penting bagi Kanada terutama dalam usaha memerangi keganasan di mana kedua-dua negara berkongsi kepakaran. Kanada turut berkongsi

peluang-peluang latihan dan peralatan ke Malaysia.

Dalam konteks ASEAN, katanya, Malaysia merupakan rakan dialog penting bagi Kanada sementelah tahun ini juga merupakan ulang tahun ke-30 hubungan Kanada - ASEAN.

Walaupun Kanada bukan negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), katanya, kepimpinan Malaysia menyediakan peluang amat penting kepada Kanada untuk terlibat dalam dunia Islam.

"Sememangnya hubungan Malaysia dan Kanada amat luas dan kami menjanjikan perkembangan yang lebih baik untuk masa depan," katanya.

Beliau berkata, peningkatan pelaburan dan perdagangan dengan Malaysia adalah objektif utama hubungan diplomatik antara kedua-dua



MENTERI Tanpa Portfolio, James Macdonnel (kanan) mewakili Kanada pada upacara pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Malaysia juga merupakan rakan keselamatan dan pertahanan penting bagi Kanada terutama dalam usaha memerangi keganasan di mana kedua-dua negara berkongsi kepakaran

negara berasaskan kepada beberapa kejayaan yang diraih oleh firma-firma Kanada di Malaysia selain peluang-peluang baru yang telah dikenal pasti.

Beliau juga melihat usaha meningkatkan hubungan antara penduduk di kedua-dua negara amat penting dalam membentuk kerjasama lebih erat antara Kanada dan Malaysia.

Dan ia direalisasikan dengan jumlah pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di Kanada yang kini

mencecah 70,000 orang sejak dua dekad yang lalu.

"Program ini bermula di bawah Pelan Colombo lagi dan jumlah pelajar semakin meningkat dengan adanya penglibatan Petronas misalnya yang menaja pelajar dalam bidang petroleum serta syarikat-syarikat lain," katanya.

Begitu juga dengan kemasukan pelancong Kanada ke Malaysia yang menyaksikan peningkatan ketara dari tahun ke tahun dan dianggarkan

dicapai dengan menyuburkan saluran-saluran sedia ada untuk membina ikatan yang lebih kukuh, interaksi dan kefahaman di antara dua negara.

"Kedua-dua negara menjalin kerjasama dan persahabatan yang amat baik di peringkat antarabangsa, kerajaan dengan kerajaan dan orang perseorangan," katanya.

Beliau turut berkongsi penglibatan Agensi Pembangunan Antarabangsa Kanada (CIDA) di Malaysia yang bermula sejak tahun 1957 lagi dan telah menyalurkan bantuan sebanyak RM300 juta untuk membangunkan projek-projek di Malaysia.

"CIDA berada di sini sejak bertahun-tahun dulu, dalam pelbagai bidang dan beberapa orang yang saya temui memuji kerja-kerja yang telah dijalankan oleh CIDA di Malaysia," katanya.

Salah satu projek yang dijalankan oleh CIDA ialah mengenai pengurusan sisa pepejal yang melibatkan pakar-pakar dari negara berkenaan.

"Realitinya kini Malaysia semakin membangun berbanding dulu, dan banyak bidang yang negara ini telah terokai sendiri.

"Bantuan dari CIDA semakin tidak diperlukan, dalam erti kata lain anda telah lulus cemerlang.

"Jadi CIDA kini lebih menumpukan perhatian kepada negara-negara yang kurang membangun termasuk membangunkan semula Afghanistan," katanya.

Ditanya mengenai masa depan hubungan antara Malaysia dan Kanada, masih terdapat banyak ruang untuk dipertingkatkan terutama dalam bentuk perdagangan.

Antara usaha yang boleh dijalankan termasuk menarik syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di Kanada begitu juga sebaliknya terutama dalam bidang-bidang baru seperti bioteknologi.

Sebelum mengakhiri pertemuan, Summers berkata: "Saya pasti Pesuruhjaya Tinggi Kanada di Malaysia yang pertama iaitu Arthur Redpath Menzies dapat merasakan saat-saat paling gembira dan menguja ketika memulakan hubungan dua hala ini.

"Beliau masih hidup dan saya berpeluang bertemu dan berkongsi pengalaman dengannya," katanya.

Malah, kata Summers, Menzies juga sempat mengajarnya beberapa peribahasa Melayu yang dikatakan amat berguna untuk dijadikan panduan tetapi beliau tidak dapat mengingatinya dengan jelas.



Malaysiaku Gemilang

40,000 pelancong Kanada telah mengunjungi negara ini.

Menurut Summers, Malaysia merupakan rakan penting dalam konteks global untuk mewujudkan dunia yang lebih selamat dengan menangani ancaman terhadap isu-isu keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan hidup.

Katanya, objektif ini hanya akan